



Oleh Kadir Dikoh

Apabila bos jadi 'drebar'

BH 31/10/2003 - 27 PRECISE

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad tidak kisah memandu kereta terutama pacuan empat roda dalam kesesakan di ibu negara. Beliau tidak merungut meskipun perjalanannya ter-sekat-sekat apabila sudah membuat keputusan untuk menuju ke suatu destinasi - tanpa motosikal pengiring di hadapan.

"Kadang-kala kami berdua saja dalam kereta dengan saya duduk di sebelahnya. Saya cuma diam saja kecuali Perdana Menteri bertanya sesuatu, baru saya buka mulut," kata Syawal Agus, 52, yang menjadi pemandu Perdana Menteri sejak 22 tahun lalu.

Katanya, Dr Mahathir kerap mengajaknya bersiar-siar pada hujung minggu atau cuti umum dan mereka lazimnya pergi ke tempat popular dikunjungi orang ramai seperti Dataran Merdeka, Bukit Bintang dan KLCC. Ketika negara dilanda wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) sekitar Jun dan Julai lalu, Perdana Menteri meninjau keadaan di tiga kawasan yang menjadi tumpuan pelancong asing itu pada hujung minggu.

"Perdana Menteri nak tengok sendiri sama ada betul pelancong tak datang kerana SARS dan beliau berjalan-jalan di sekitar KLCC dan meninjau dari dalam kereta kawasan sekitar Dataran Merdeka serta berjalan kaki di celah orang ramai di laluan 'Bintang Walk' di Jalan Bukit Bintang.

"Terbukti ketika itu kawasan di KLCC dan Bukit Bintang agak tenang serta tiada bas pelancong diletakkan secara berderet seperti kelaziman di Dataran Merdeka. Tiga tempat itulah dijadikan kayu pengukur oleh Perdana Menteri untuk melihat secara kasar kedatangan pelancong, bukan bergantung kepada perangkaan rasmi semata-mata," katanya.

Kemudian katanya, apabila wabak SARS pulih, Dr Mahathir kembali semula ke kawasan terbabit dan melihat sendiri kesesakan orang ramai di situ terutama kehadiran pelancong asing, yang membuktikan keadaan pulih seperti sedia kala.

Syawal berkata, Dr Mahathir adalah seorang manusia yang praktikal dan mahukan setiap kata-kata dibuktikan dengan kebenaran.

Katanya, banyak kali pada Sabtu atau Ahad, Dr Mahathir pergi ke tapak projek tertentu selepas diberi taklimat sepanjang minggu termasuk oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sama ada taklimat yang disampaikan kepadanya itu betul atau ditokok tambah.

Beliau berkata, kalau sesuatu projek itu lambat dibina atau disiapkan, Perdana Menteri akan meminta penjelasan sama ada daripada agensi bertanggungjawab atau kontraktor di tapak projek.

"Bayangkan ketika Menara Kuala Lumpur sedang dalam pembinaan, Perdana Menteri sendiri mengambil gambar tanpa pengetahuan sesiapa, bukan sekali malah banyak kali sehingga menara itu siap bagi melihat setiap kemajuan pembinaannya tidak lewat daripada jadual asal," katanya.

Katanya, Dr Mahathir juga kerap pergi ke The Mall berhadapan Hotel Pan Pacific sama ada untuk ke pasar raya Yaohan atau kedai buku.

"Perdana Menteri suka pergi kedai buku di situ selain kedai buku di KLCC. Di kedai buku di The Mall, Perdana Menteri akan membeli majalah. Malah beliau turut melanggan majalah dari situ dan kadang-kala taukenya menghantar sejumlah majalah keluaran terbaru ke pejabat Perdana Menteri jika beliau tidak sempat berkunjung ke situ," katanya.

Syawal juga berkata, Dr Mahathir pantang melihat pengguna jalan raya melanggar undang-undang dan ketika dalam kereta, Perdana Menteri akan mengeluarkan komen seperti "mengapa orang itu tak ikut peraturan" apabila terlihat pemandu tidak mematuhi lampu isyarat atau membuat pusingan U pada tempat yang tidak sepatutnya.

Katanya, Dr Mahathir juga tidak suka pemandu meletakkan kenderaan sembarangan, terutama yang menghalang lalu lintas.

"Apabila ke kompleks beli-belah pada hujung minggu atau cuti umum, beliau akan pastikan keretanya diletakkan pada tempat betul supaya tidak menghalang kenderaan lain.

"Malah, beliau sanggup berjalan jauh untuk ke kompleks beli-belah apabila tiada tempat meletak kereta di hadapan bangunan itu. Lainlah kalau ada acara rasmi," katanya.


Syawal berkata, Dr Mahathir suka ke Bintang Walk dan Lot 10 di Jalan Bukit Bintang di ibu negara.

Katanya, jika nak ke Lot 10, Perdana Menteri minta diturunkan di hadapan Star Hill dan akan berjalan kaki ke Lot 10 bersama pengawal peribadinya.

Syawal yang berasal dari Banting, Selangor dan mempunyai tiga anak berusia 15 hingga 25 tahun, berkata Perdana Menteri juga tidak tahu erti rehat.



DR MAHATHIR memandu sendiri kereta peribadinya, Pontiac Star Chief Model 1959, model kereta yang pernah dimilikinya ketika bertugas sebagai seorang doktor.



Perdana Menteri bukan saja suka memandu sendiri di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, malah hingga ke Melaka, Bukit Tinggi dekat Bentong dan Janda Baik

Syawal Agus

"Dalam kereta pun, beliau menulis ucapan dan membelek-belek fail ketika dalam perjalanan ke pejabat atau menghadiri acara rasmi," katanya.

Syawal berkata: "Perdana Menteri bukan saja suka memandu sendiri di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, malah hingga ke Melaka, Bukit Tinggi dekat Bentong dan Janda Baik".

Katanya, antara tempat yang pernah dilawatnya ialah Hulu Yam, Selangor dan apabila melihat air kotor di tempat rekreasi di situ, Dr Mahathir mula mengeluh dan kemudian akan memberitahu pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan lanjut.

Katanya, Dr Mahathir turut me-

mandu sehingga ke Klang, Hulu Langat dan patah balik ke arah Batu Caves. Kadangkala pekerja di stesen minyak tergamam apabila ternampak Dr Mahathir dalam kereta ketika pemandunya mengisi minyak.

"Datuk Seri suka meninjau projek yang dalam pelaksanaan tanpa diketahuinya oleh sesiapa. Dulu ketika KLIA sedang dalam pembinaan, saya selalu mengiringi Datuk Seri ke sana sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

"Begitu juga ketika Putrajaya dan Cyberjaya dalam pembinaan. Malah, beliau masih terus meninjau perjalanan projek di Putrajaya kebelakangan ini," katanya.

Pada pagi Ahad pula, katanya, Dr

Mahathir menunggang kuda sama ada di Kelab Polo Selangor, Wetland dan Paya Indah di Putrajaya atau Cyberjaya.

Katanya, Dr Mahathir juga akan menghadiri majlis perkahwinan kakitangannya atau anak mereka apabila dijemput.

Satu lagi keistimewaan Dr Mahathir, katanya, ialah pengurusan masa yang begitu baik sekali.

"Masanya begitu tepat sekali. Kerja saya pula menjadi senang kerana saya tahu bila Datuk Seri akan ke pejabat tanpa perlu menunggu lama kecuali ada urusan penting lain," katanya.

Beliau berkata, jika tiada urusan di luar, Dr Mahathir akan keluar dari

kediamannya di Putrajaya pada jam 7.45 pagi dan mesti sampai di pejabat sebelum jam 8 pagi.

"Kalau nak menghadiri acara tertentu di Kuala Lumpur yang memakan masa perjalanan 25 minit dari Putrajaya misalnya, Datuk Seri akan pastikan akan sampai di majlis itu dalam masa ditetapkan.

"Apabila saya memandu terlalu laju pula, beliau akan tegur "apa laju sangat, banyak masa lagi.

"Sebenarnya, Datuk Seri takut nanti orang belum bersedia (di acara yang akan dihidirinya) jika beliau tiba terlalu awal kerana beliau amat mementingkan ketepatan masa. Masa memang beliau cukup iaga," katanya.